

# PM umum hala tuju baharu ekonomi hari ini

Oleh FITRI NIZAM

fitri.nizam@nmediannulia.com.my

**PETALING JAYA:** Datuk Seri Anwar Ibrahim akan melancarkan *Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat* bagi menentukan hala tuju baharu ekonomi negara demi menjamin masa depan rakyat lebih baik.

Pelancaran tersebut dijadual diadakan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di ibu negara pada pukul 9 pagi ini.

Berkongsikan perkara itu di Facebook, Perdana Menteri berkata, dasar tersebut adalah hala tuju baharu kerajaan bagi memastikan ekonomi negara terus berkembang.

“Esok saya akan melancarkan *Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat* yang merupakan pengemudian dan pengarah baharu ekonomi



ANWAR Ibrahim bakal mengumumkan hala tuju baharu ekonomi hari ini.

untuk menjamin masa depan negara. Nantikan, insya-Allah,” kata Anwar.

Pada 12 Jun, Anwar mengumumkan kerajaan akan melancarkan naratif ekonomi Madani menjelang Ogos bagi menentukan hala tuju ekonomi negara

yang lebih jelas.

Menurut beliau, naratif itu penting bagi memudahkan pelan tindakan pelaksanaan dasar di peringkat kementerian dan jabatan-jabatan berkaitan.

“Kita cuba melancarkan naratif ekonomi Madani men-

jelang Ogos depan. Sementara itu, beberapa dasar segera yang terpaksa dilaksanakan akan diteruskan,” kata Perdana Menteri ketika itu.

Antara lain, naratif itu akan menjadi kerangka besar dan umum kepada nadi ekonomi negara dan akan dijelaskan kepada rakyat secara berperingkat.

Sebelum itu, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Datuk Abdul Rasheed Ghaffour dilapor berkata, bank pusat itu mengekalkan unjuran untuk pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara pada tahun ini antara 4.0 peratus dan 5.0 peratus.

Abdul Rasheed berkata, permintaan dalam negeri kekal berdaya tahan dan pasaran kerja kini semakin baik, seterusnya menyokong perbelanjaan pengguna.



**ANWAR Ibrahim mengiringi Ferdinand Marcos Jr. yang melakukan kunjungan hormat ke atas Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara, semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI**

Terdahulu, Marcos Jr. diberikan sambutan negara oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Istana Negara dan menghadap Seri Paduka disusuli satu majlis santapan negara bagi meraikan beliau dan delegasi.

Anwar berkata, dalam pe-

pelbagai isu bersama.

Pada masa sama, kedua-dua pemimpin turut menyentuh isu Myanmar dengan mengulangi pendirian Malaysia kekal teguh menyokong Konsensus Lima Perkara ASEAN, namun memberi ruang kepada negara-negara jiran untuk menangani isu

Beliau dan Marcos Jr. mengambil kesempatan membincangkan penganjuran Malaysia dan Filipina yang akan menjadi tuan rumah mesyuarat Suruhanjaya Bersama ke-8, pada akhir tahun ini selain berusaha menterjemahkan memorandum persefahaman (MoU)

menahirkan ucapan terima kasih kepada Al-Sultan Abdullah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah atas jemputan mengadakan lawatan negara sehingga hari ini.

"Dalam pertemuan bersama Al-Sultan Abdullah, kami berbincang mengenai hubungan diplomatik yang lama terjalin selain keutuhan ekonomi antara Malaysia dan Filipina.

"Perbincangan itu juga melibatkan aspek kebersamaan yang dimiliki rakyat Malaysia dan Filipina hingga menjadikan hubungan persaudaraan menjadi lebih erat," katanya.

Beliau turut mengimbuai kejayaan lawatan Anwar ke Manila baru-baru ini selain menyifatkan mereka turut bersetuju menyertai satu mesyuarat bersama yang Oktober depan.

"Kami mengadakan perkara itu bagi menunjukkan ada perkara boleh dibincangkan khususnya meliputi perkara seperti jenayah antarabangsa, pertanian, industri halal, perbankan Islam, pendidikan, pelancongan, sukan dan ekonomi digital.

"Pada masa sama, Malaysia juga menawarkan kepakaran